KENYATAAN MEDIA

AKPK: Perkembangan Terbaharu Berkenaan Pencerobohan Keselamatan Siber

Untuk Penerbitan Segera

Berhubung dengan kenyataan media Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bertarikh 30 Mac 2023 berkaitan dengan pencerobohan data, pihak AKPK dapat mengesahkan bahawa terdapat beberapa data pelanggan AKPK yang telah diterbitkan di web gelap oleh penjenayah siber pada hari ini.

Walaupun siasatan kami dengan pakar keselamatan siber pihak ketiga masih diteruskan, pihak AKPK dapat mengesahkan bahawa data yang melibatkan kira-kira 20 pelanggan AKPK – nama dan nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Nasional (NRIC) telah diterbitkan. AKPK sedang mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menangani kemungkinan lebih banyak data pelanggan AKPK diterbitkan. Rentetan ini, kami menasihati semua pelanggan kami supaya sentiasa berwaspada.

Untuk perhatian umum, segala maklumat dalam pemilikan penjenayah siber adalah hasil daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang. Oleh itu, sebarang perolehan, penggunaan dan penyebaran maklumat yang sama merupakan satu kesalahan jenayah.

Pihak AKPK bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa yang berkaitan termasuk Kementerian Komunikasi dan Digital serta CyberSecurity Malaysia dalam menjalankan siasatan menyeluruh. Kami juga sedang berusaha untuk mengenal pasti maklumat khusus yang telah diakses secara haram serta memaklumkan kepada pelanggan yang terjejas.

Kami menyedari situasi ini amat membimbangkan dan dengan ini, kami dengan ikhlas memohon maaf. Pihak kami akan terus mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mengurangkan kesan pencerobohan ini. Kami juga menghubungi pelanggan kami untuk memberitahu mereka tentang pelanggaran keselamatan ini dan membantu mereka mengambil langkah-langkah yang perlu untuk perlindungan masing-masing. Kakitangan kami juga akan memberi nasihat kepada pelanggan dalam menangani perkara-perkara yang berkaitan dengan pelanggaran tersebut.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pihak AKPK telah memutuskan untuk menyahaktifkan beberapa sistem operasi kami buat sementara waktu dalam mengelakkan risiko selanjutnya. Kami juga sedang mengembalikan sistem kami

secara berperingkat dan akan memberi kenyataan rasmi yang terkini. Kami juga melaksanakan pengaturan operasi yang perlu bagi meneruskan perkhidmatan kami kepada pelanggan.

Pihak pelanggan boleh mengajukan sebarang persoalan kepada Pusat Panggilan Khusus AKPK di talian 03 26167766, atau pun menghubungi kami di laman web AKPK. Para pelanggan juga boleh melawati cawangan AKPK yang berhampiran di https://www.akpk.org.my/ms/branches

Sejak 2006, AKPK komited dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat Malaysia secara percuma dalam memperkasa daya tahan kewangan mereka. Pihak AKPK mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan penjenayah siber yang keji serta berniat jahat ini kerana menyasarkan orang awam yang terjejas kewangan mereka serta bergantung kepada AKPK untuk membantu mereka.

Kami mengucapkan terima kasih atas sokongan dan kerjasama anda yang berterusan sepanjang tempoh yang mencabar ini.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
26 April 2023